PP lwn. NIK ABD AFIF NIK MAN & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, ALOR SETAR
HASHIM HAMZAH H
[RJK: 45SO-01-04-2015]
6 JULAI 2015

BIDANG KUASA: *Mahkamah Tinggi – Pemindahan kes ke Mahkamah Sesyen – Kesalahan di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 – Sama ada dalam bidang kuasa Mahkamah Sesyen – Sama ada suatu kesalahan keselamatan – Sama ada peruntukan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dinyatakan dalam pertuduhan – Bidang kuasa Mahkamah Tinggi – Sama ada hanya dinyatakan dalam Akta Mahkamah Kehakiman 1964 – Sama ada tertuduh-tertuduh dibenarkan jamin – Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007, s. 26H – Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012, ss. 12 & 13 – Perlembagaan Persekutuan, per. 121 & 160*

Tertuduh-tertuduh telah dituduh di bawah s. 26H Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 ('ATIPSOM'). Tertuduh-tertuduh, melalui peguam mereka masing-masing, telah memohon secara lisan supaya (i) kes ini dipindahkan semula ke Mahkamah Sesyen untuk dibicarakan; dan (ii) mereka dibenarkan untuk diikat jamin sementara menunggu perbicaraan kes mereka. Alasan yang dikemukakan adalah bahawa (a) tindakan terhadap tertuduh-tertuduh adalah dalam bidang kuasa Mahkamah Sesyen dan sepatutnya dibicarakan di mahkamah tersebut; (b) pertuduhan tidak menyatakan bahawa ia dibaca bersama Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 ('SOSMA'); dan (c) bidang kuasa Mahkamah Tinggi untuk mendengar kes-kes jenayah hanyalah seperti termaktub di bawah s. 22 Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

Diputuskan (menolak permohonan tertuduh-tertuduh):

(1) Pindaan kepada jadual pertama SOSMA melalui Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) Pindaan 2014 (Akta A1472) telah memasukkan kesalahan-kesalahan di bawah "Part IIIA" ATIPSOM sebagai kesalahan-kesalahan keselamatan. Pindaan ini berkuatkuasa pada 31 Disember 2014 dan menjadikan semua kesalahan yang diperuntukkan di bawah s. 26A ke s. 26K ATIPSOM sebagai suatu kesalahan keselamatan. Berdasarkan s. 12 SOSMA 2012, kes-kes keselamatan hendaklah dibicarakan di Mahkamah Tinggi. Tambahan, s. 13 SOSMA 2012 memperuntukkan bahawa jaminan tidak dibenarkan bagi mereka yang dituduh di bawah kes-kes keselamatan. (perenggan 6-8)

(2) Berdasarkan peruntukan Akta SOSMA, kes ini adalah dalam bidang kuasa Mahkamah Tinggi untuk dibicarakan. Alasan bahawa pertuduhan tidak dibaca dengan SOSMA tidak menjejaskan pertuduhan terhadap

A tertuduh-tertuduh kerana melalui pindaan kepada Jadual Satu Akta SOSMA, adalah jelas bahawa kesalahan di bawah "Part IIIA" ATIPSOM merupakan kesalahan keselamatan dan oleh itu, tidak perlu dinyatakan di dalam pertuduhan tersebut. (perenggan 9)

B **(3)** Bidang kuasa Mahkamah Tinggi bukan hanya seperti diperuntukkan oleh Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Berdasarkan per. 121 Perlembagaan Persekutuan, bidang kuasa Mahkamah Tinggi adalah seperti diberikan oleh "Federal Law" yang ditakrifkan di dalam per. 160 Perlembagaan Persekutuan. Memandangkan SOSMA adalah undang-undang yang digubal oleh Parlimen, ia adalah "Federal Law"
C dan memberi bidang kuasa terus kepada Mahkamah Tinggi untuk mendengar kes-kes di mana tertuduh dipertuduhkan atas kesalahan di bawah "Part IIIA" ATIPSOM. (perenggan 11 & 12)

Perundangan yang dirujuk:

Anti-Trafficking In Persons And Anti-Smuggling of Migrants Act 2007, ss. 26A,
D 26B, 26C, 26D, 26E, 26F, 26G, 26H, 26I, 26J, 26K
Courts of Judicature Act 1964, s. 22(1)(b)
Federal Constitution, arts. 121, 160
Security Offences (Special Measures) Act 2012, ss. 12, 13

Bagi pihak tertuduh pertama & tertuduh kedua - G Ravishankar; T/n R Shankar Ghandi
E *& Assocs*
Bagi pihak pendakwaan - Nurshuhada TPR; AG's Chambers

Dilaporkan oleh Kumitha Abd Majid

PENGHAKIMAN

F

Hashim Hamzah H:

Latar Belakang Kes

[1] Tertuduh pertama dan tertuduh kedua yang diwakili oleh peguam G Ravishankar dan tertuduh ketiga yang diwakili oleh peguam En Yusran bin
G Zain telah memohon secara lisan untuk kes dipindahkan semula ke Mahkamah Sesyen untuk dibicarakan dan/atau tertuduh-tertuduh diikat jamin sementara menunggu perbicaraan. Mahkamah ini telah menolak permohonan lisan mereka. Atas keputusan ini, tertuduh pertama dan tertuduh kedua merayu manakala tertuduh ketiga tidak memfailkan rayuan.

H **[2]** Ketiga-tiga tertuduh dituduh di bawah s. 26H Anti-Trafficking In Persons And Anti-Smuggling Of Migrants Act 2007, Act 670 (selepas daripada ini Akta tersebut akan dirujuk sebagai ATIPSOM 2007) seperti berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 05/02/2015 jam 1/kurang jam 6.15 pagi
I bertempat di rumah tidak bernombor, Batu 9 Jalan Changloon Kodiang, 06010 Changloon Di Dalam Daerah Kubang Pasu di dalam Negeri Kedah, telah melindungi migran seperti berikut:-

(1) Ye Min Tun (L), Umur 28 tahun, W/Negara Myanmar (Akuan Mulut)

(2) Aung Myint (L), Umur 47 tahun, W/Negara Myanmar (Akuan Mulut)

(3) Tun Win (L), Umur 28 tahun, W/Negara Myanmar (Akuan Mulut)

(4) Aung Naing Win (L), Umur 30 tahun, W/Negara Myanmar (Akuan Mulut)

(5) Myint Zaw Doo (L), Umur 29 tahun, W/Negara Myanmar (Akuan Mulut)

(6) Than Win (L), Umur 29 tahun, W/Negara Myanmar (Akuan Mulut)

(7) Than Htay (L), Umur 25 tahun, W/Negara Myanmar (Akuan Mulut)

(8) Thein Seo Tun (L), Umur 21 tahun, W/Negara Myanmar (Akuan Mulut)

(9) Ng Shwe Win (L), Umur 25 tahun, W/Negara Myanmar (Akuan Mulut)

(10) Khin Mg Win (L), Umur 28 tahun, W/Negara Myanmar (Akuan Mulut)

(11) San Hoo (L), Umur 26 tahun, W/Negara Myanmar (Akuan Mulut)

Dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah Seksyen 26H Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 (Pin 2010) dan dibaca bersama dibawah Seksyen34 Kanun Keseksaan yang mana boleh dihukum dibawah Seksyen dan Akta yang sama

Alasan Permohonan

[3] Peguam tertuduh pertama dan tertuduh kedua dalam memohon supaya kes ini dipindahkan semula ke Mahkamah Sesyen dan/atau kedua-dua anak guamnya diikat jamin memberi alasan seperti berikut:

(i) kes ini adalah dalam bidang kuasa Mahkamah Sesyen dan sepatutnya dibicarakan di Mahkamah Sesyen dan memohon kes dipindahkan semula ke Mahkamah Sesyen. Tambahan pula di dalam pertuduhan tidak dinyatakan bahawa pertuduhan tersebut dibaca bersekali dengan Akta Security Offences (Special Measures) Act 2012, Act 747 (selepas daripada ini Akta tersebut akan dirujuk sebagai SOSMA 2012); dan

(ii) bidang kuasa mendengar kes-kes jenayah oleh Mahkamah Tinggi hanyalah seperti termaktub di bawah s. 22 Courts Of Judicature Act 1964 (Rev 1972) Act 91 (selepas daripada ini Akta tersebut akan dirujuk sebagai CJA 1964). Seksyen 22(1)(b) CJA 1964 memperuntukkan bahawa "... or offences under any other written law the commission of

A which is certified by the attorney general to affect the security of Malaysia committed ..." dan di dalam kes ini tiada pengesahan atau perakuan dari peguam negara.

Keputusan Mahkamah

B **[4]** Pada asasnya, permohonan lisan peguam ini seakan mencabar keesahan pertuduhan yang dikenakan ke atas tertuduh-tertuduh walaupun pada hakikatnya permohonan lisan yang dibuat hanya untuk kes dipindahkan semula ke Mahkamah Sesyen untuk dibicarakan dan/atau tertuduh-tertuduh dibenarkan untuk diikat jamin.

C **[5]** Saya akan mempertimbangkan alasan peguam berkaitan permohonan lisan di mahkamah ini. Kesemua tertuduh-tertuduh dituduh atas satu kesalahan di bawah s. 26H ATIPSOM. Kesalahan ini membawa hukuman penjara tidak lebih dari sepuluh tahun dan boleh didenda atau kedua-duanya sekali.

D **[6]** Pindaan kepada jadual pertama Akta SOSMA 2012 melalui Akta A1472 yang telah digazetkan pada 30 Disember 2014 telah memasukkan kesalahan-kesalahan di bawah "Part IIIA" di bawah ATIPSOM sebagai kesalahan-kesalahan keselamatan. Pindaan ini berkuatkuasa pada 31 Disember 2014 dan dengan ini menjadikan semua kesalahan yang E diperuntukkan di bawah s. 26A ke 26K ATIPSOM menjadi suatu kesalahan keselamatan.

[7] Berdasarkan s. 12 SOSMA 2012, kes-kes keselamatan hendaklah dibicarakan di Mahkamah Tinggi. (All security offences shall be tried by the High Court).

F

[8] Lanjutan daripada itu, s. 13 SOSMA 2012 dengan jelas menyatakan bahawa jaminan hendaklah tidak dibenarkan bagi mereka yang dituduh di bawah kes-kes keselamatan. Saya perturunkan peruntukan tersebut untuk penelitian.

G 13 (1) Bail shall not be granted to a person who has been charged with a security offence.

(2) Notwithstanding subsection (1)-

(a) a person below the age of eighteen years;

H (b) a woman; or

(c) a sick or an infirm person,

charged with a security offence, other than an offence under Chapter VIA of the Penal Code [Act 574] and the Special Measures Against Terrorism in Foreign Countries Act 2015 [Act I 770], may be released on bail subject to an application by the Public Prosecutor that the person be attached with an electronic monitoring device in accordance with the Criminal Procedure Code.

[9] Berbalik kepada alasan peguam yang pertama di atas, adalah jelas melalui peruntukan Akta SOSMA 2012 bahawa kes ini adalah dalam bidang kuasa Mahkamah Tinggi untuk dibicarakan. Oleh itu tidak timbul isu Mahkamah Sesyen ada bidang kuasa mendengar kes ini dan tidak timbul isu untuk mahkamah ini mempertimbangkan untuk memindahkan kes ini semula ke Mahkamah Sesyen untuk dibicarakan. Berkaitan alasan peguam bahawa di dalam pertuduhan tidak dinyatakan bahawa pertuduhan ke atas tertuduh-tertuduh hendaklah dibaca bersekali dengan Akta SOSMA 2012 pada pandangan mahkamah ini tidak menjejaskan pertuduhan tersebut kerana melalui pindaan kepada jadual satu Akta SOSMA 2012 dengan jelas menyatakan kesalahan di bawah "PART IIIA" ATIPSOM adalah kesalahan keselamatan oleh itu ia tidak perlu dinyatakan di dalam pertuduhan tersebut.

[10] Alasan kedua yang dibangkitkan peguam adalah bahawa bidang kuasa mendengar kes-kes jenayah oleh Mahkamah Tinggi hanya termaktub di bawah s. 22 CJA 1964. Hujah peguam lagi, berdasarkan s. 22(1)(b) CJA 1964, pengesahan atau perakuan daripada peguam negara bahawa kesalahan tersebut adalah kesalahan keselamatan adalah diperlukan, dan di dalam kes ini tiada pengesahan peguam negara dikemukakan, oleh itu pertuduhan ke atas tertuduh-tertuduh tidak terjumlah kepada kesalahan keselamatan.

[11] Dengan hormat, hujah peguam mengelirukan. Bidang kuasa Mahkamah Tinggi bukan hanya seperti diperuntukkan oleh CJA 1964. Berdasarkan per. 121 Perlembagaan Persekutuan, bidang kuasa Mahkamah Tinggi adalah sepertimana yang diberikan oleh "Federal Law". Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa:

> (1) There shall be two High Courts of co-ordinate jurisdiction and status, namely -
>
> (a) one in the States of Malaya, which shall be known as the High Court in Malaya and shall have its principal registry at such place in the States of Malaya as the Yang di-Pertuan Agong may determine; and
>
> (b) one in the States of Sabah and Sarawak, which shall be known as the High Court in Sabah and Sarawak and shall have its principal registry at such place in the States of Sabah and Sarawak as the Yang di-Pertuan Agong may determine;
>
> (c) (Repealed),
>
> and such inferior courts as may be provided by federal law and the High Courts and inferior courts shall have such jurisdiction and powers as may be conferred by or under federal law.

[12] "Federal Law" sepertimana ditakrifkan di dalam per. 160 Perlembagaan Persekutuan adalah:

> "Federal law" means:
>
> (a) any existing law relating to a matter with respect to which Parliament has power to make laws, being a law continued in operation under Part XIII; and
>
> (b) any Act of Parliament;

A Memandangkan SOSMA 2012 adalah undang-undang yang digubal oleh Parlimen menjadikan ia adalah "Federal Law" dan dengan itu memberikan bidang kuasa terus kepada Mahkamah Tinggi untuk mendengar kes-kes di mana tertuduh dipertuduhkan atas kesalahan di bawah "PART IIIA" ATIPSOM.

B **Kesimpulan**

[13] Oleh itu adalah jelas bahawa Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa mendengar kes-kes di bawah "Part IIIA" ATIPSOM dan tertuduh-tertuduh juga menghadapi pertuduhan yang tidak boleh diikat jamin dan mahkamah dengan ini menolak permohonan lisan tertuduh-tertuduh untuk C memindah semula kes tersebut ke Mahkamah Sesyen dan untuk diikat jamin sementara menanti perbicaraan kes mereka.

D

E

F

G

H

I